

“Kemungkinan kesatuan dalam syarikat lebih berjaya”

PM mahu sistem kini dikaji semula

UM 29 JUL 1983

KUALA LUMPUR, 28 Julai - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad petang ini menyuarakan supaya sistem kesatuan sekerja di negara ini dikaji semula kerana “kemungkinan kesatuan dalam syarikat akan lebih berjaya dalam zaman sekarang ini.

Perdana Menteri berkata, keadaan sekarang tidak lagi sama dengan keadaan dalam abad ke-19 sewaktu sistem kesatuan sekerja digubal di Barat dan dengan itu perbezaan keadaan ini perlu dikaji.

Tegasnya, sistem kesatuan sekerja diasaskan kepada anggapan bahawa pekerja dan majikan adalah musuh, berbeza dengan kesatuan dalam syarikat (in-house union) di mana majikan menganggap pekerja sebagai rakan.

Berucap merasmikan Konvensyen CUEPACS di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan:

- Kerajaan tidak berniat menindas pekerja atau membelakangkan kesatuan sekerja mereka; dan

- Di bawah konsep penswastan, pekerja-pekerja kerajaan dibenarkan memilih sama ada untuk kekal dalam kerajaan atau bekerja dengan majikan baru (swasta).

Mengenai kesatuan dalam syarikat, Perdana

Oleh Fuad Rahman

Menteri berkata, kerajaan mengesyorkan supaya sistem kesatuan itu diamalkan kerana majikan dan pekerja yang menganggap perhubungan mereka sebagai rakan perkongsian akan mengelakkan sebarang tindakan yang merugikan syarikat.

Katanya, dalam “in-house union”, pekerja-pekerja tidak dibahagikan mengikut bidang pekerjaan tetapi semua pekerjanya adalah ahli kesatuan sebuah syarikat.

“Nasib mereka terikat dengan kuatnya kepada maju-mundurnya syarikat. Terpulanglah kepada mereka menentukan kejayaan syarikat mereka. Oleh kerana majikan menganggap pekerja sebagai rakan dan sedar akan peranan pekerja menjayakan syarikat, maka majikan terpaksa melayan pekerja sebagai rakan yang berhak mendapat imbuhan dari usaha mereka.

“Majikan tidak lagi perlu berunding dengan orang asing yang memimpin kesatuan sekerja umum. Rundingan akan diadakan dalam keluarga. Jika kesatuan dalam syarikat ini diamalkan bersama dengan pekerjaan seumur hidup dan bayaran bonus menurut keuntungan, besar kemungkinan tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh pihak majikan atau kesatuan tidak berlaku,” katanya.

Sebaliknya, tegas beliau, di bawah sistem kesatuan sekerja yang dimulakan di Eropah diasaskan kepada anggapan bahawa pekerja dan majikan adalah musuh.

“Anggota-anggota kesatuan sekerja Barat ingin hidup mewah dan cuba mempengaruhi pekerja kita dengan cara hidup mereka, walaupun dengan tindakan mereka itu ekonomi kita akan rosak dan pekerja kita akan menganggur.

“Jika mendapat peluang kesatuan sekerja asing tidak segan-segan campur tangan dalam urusan ekonomi dan politik rumahtangga kita. Mereka sanggup bertindak terhadap harta kita di negara mereka kerana mereka tahu kita tidak akan mengancam harta mereka di negara ini,” katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menurunkan empat persoalan kepada ahli-ahli kesatuan sekerja dalam negara supaya mengkaji perbezaan keadaan zaman sekarang dan zaman dahulu:

- Apakah sistem dan tindakan yang sesuai dalam abad ke-19 dan awal 20an masih sesuai pada suku akhir abad 20an ini?

- Apakah cara konfrontasi, ugutan dan tindakan perusahaan diperlukan untuk mengatasi masalah sekarang?

- Apakah sosial, ekonomi dan kos politik sistem lama tidak merugikan kita akhirnya?

- Apakah keuntungan bagi orang lain dari tindakan perusahaan kita?

Beliau menjelaskan bahawa soalan-soalan itu ditujukan bukan sahaja kepada kesatuan sekerja dan pekerja semata-mata juga kepada majikan dan kerajaan.

Sebenarnya, jelas Datuk Sri Dr. Mahathir, perhubungan antara majikan dengan pekerja lebih merupakan perhubungan antara dua rakan dan mereka menghadapi nasib dan masalah yang sama.

Oleh kerana majikan dan pekerja adalah rakan perkongsian dan bukan musuh, menurutnya, kerajaan perlu mengubah sikap, undang-undang dan cara bertindak terhadap kedua-dua pihak.

Tegas beliau lagi, bagi negara ini, segala tindakan perusahaan adalah tidak wajar dan merugikan kerana “negara bermakna rakyat”, dan kerugian akibat mogok akan mengurangkan hasil-mahsyul kerajaan untuk dibelanjakan bagi rakyat.”

Sekiranya ekonomi negara lumpuh, katanya, tambahan pendapatan yang diperoleh oleh pekerja tidak bermakna kerana inflasi akan meningkat dan nilai matawang akan jatuh.